

Sultan Perak, Raja Permaisuri cuba khidmat MRT

Kuala Lumpur: Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah semalam mencuba perkhidmatan Transit Aliran Massa (MRT) bagi perjalanan dari Stesen MRT Semantan ke Stesen MRT Taman Tun Dr Ismail, di sini.

Baginda disertai Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim serta dua anakanda, Raja Azlan Muzaffar Shah dan Raja Nazira Safya, diiringi Ketua Pegawai Operasi Rapid Rail, Muhammad

Isom Azis.

Perkhidmatan MRT Sungai Buloh-Kajang (SBK) Fasa I, dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak pada 15 Disember lalu sebelum dibuka kepada orang ramai pada 16 Disember.

Fasa 2 yang membabitkan laluan Semantan-Kajang pula dijadual dilancarkan tidak lama lagi, menghubungkannya dengan laluan transit aliran ringan (LRT) bagi laluan Kelana Jaya, Sri Petaling, Ampang dan Monorel.



Sultan Nazrin Muizzuddin bersama Tuanku Zara berkenan menaiki MRT bermula dari Stesen MRT Semantan ke Stesen Taman Tun Dr Ismail, semalam.